

**Proses mengundi pos di Merlimau berjalan lancar**  
**Malaysiakini.com**  
**March 2, 2011**

Proses undi pos bagi pilihan raya kecil DUN Melaka kawasan Merlimau bermula hari ini melibatkan 36 orang pengundi.

Pengurus pilihan raya Roslan Eusoff berkata mereka yang terdiri daripada anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) termasuk empat anggota wanita mula mengundi di Pejabat Daerah dan Tanah Jasin pukul 11.30 pagi ini.

Katanya terdapat lima anggota polis tidak mengundi kerana bertugas di luar daerah dan SPR akan mengedarkan kertas undi kepada mereka melalui pos.

"Proses pengundian berjalan lancar," katanya ketika ditemui pemberita, di sini.

Calon BN, Roslan Ahmad, 44, yang sedang giat berkempen juga sempat meluangkan masa melawat pusat mengundi tersebut.

Pilihan raya kecil DUN Merlimau, Ahad ini menyaksikan pertandingan satulawan satu antara Roslan dan calon PAS Yuhaizad Abdullah, 38, berikutan kematian penyandanginya Datuk Mohamad Hidhir Abu Hassan, 56, daripada BN pada 20 Januari lepas akibat serangan jantung.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/157498>